



SUMBANGAN MASYARAKAT DI PORTAL NEL

Garis Panduan dan Contoh Templat untuk Aktiviti-Aktiviti Saranan

Selamat datang ke Komuniti NEL dan terima kasih kerana berminat untuk menyumbangkan aktiviti-aktiviti saranan kepada portal NEL! Sila lihat garis panduan di bawah ini sebelum menyiapkan sumbangan-sumbangan tersebut dan anda juga boleh merujuk contoh templat yang disediakan.

Garis Panduan Keseluruhan

1. Pastikanlah bahawa sumbangan aktiviti saranan dalam Bahasa Ibunda (MTL) selaras dengan Rangka Kerja Memupuk Pelajar pada Peringkat Awal (NEL). Sekiranya sesuai, kaitkan aktiviti yang anda sediakan dengan prinsip iTeach, topik pembelajaran dan matlamat pembelajaran. Anda juga boleh merujuk sumber-sumber berikut:
 - a. Memupuk Pelajar Pada Peringkat Awal – Rangka Kerja untuk Bahasa Ibunda
 - b. Memupuk Pelajar Pada Peringkat Awal – Panduan Pendidik Bahasa Melayu untuk Prasekolah
2. Pastikanlah sumbangan anda ringkas (tidak lebih daripada 4 muka surat).
3. Pastikan kebenaran diperoleh untuk semua imej yang digunakan. Elakkan penggunaan imej dari Internet atas sebab-sebab hak cipta.

Templat Saranan

Tajuk Aktiviti Pembelajaran

Anda boleh menyertakan logo organisasi atau hiasan yang lain.

1) Latar Aktiviti

Berikan penerangan yang ringkas tentang konteks aktiviti yang merangkumi perkara-perkara yang berikut:

- Mengapakah aktiviti tersebut dijalankan?
- Bilakah aktiviti tersebut dijalankan?
- Apakah tahap kanak-kanak yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti tersebut?

(cth: N2, K1 atau K2)

2) Objektif-objektif

Panduan: Rujuk bab 4: Topik Pembelajaran dalam Rangka Kerja NEL – adakah objektif-objektif tersebut selaras dengan matlamat pembelajaran?

Berikan objektif-objektif pembelajaran bagi aktiviti ini.

Menerusi aktiviti ini, kanak-kanak akan berpeluang untuk:

- ...
- ...

3) Peringkat-peringkat Aktiviti

Panduan: Rujuk bab 3: Prinsip iT dalam Rangka Kerja NEL – mana satukah yang telah anda jadikan panduan semasa merancang aktiviti anda? Beritahulah pembaca!

Berikan 3 peringkat aktiviti untuk menggambarkan perkara-perkara berikut:

- Apakah yang dilakukan oleh guru? Apakah sebab guru itu melakukan sedemikian?
- Apakah yang dilakukan oleh kanak-kanak dan apakah yang telah dipelajari oleh mereka?
- Siapakah lagi yang terlibat dan bagaimanakah mereka terlibat dalam aktiviti tersebut?

a) Pengenalan bagi aktiviti (cth.”Pengenalan adat-adat Tahun Baharu Cina”)

b) Aktiviti utama:

c) Penutup aktiviti:

4) Penutup

Berikan ringkasan tentang aspek-aspek aktiviti yang berkaitan dengan Rangka Kerja NEL. Anda juga boleh berkongsi respons dan maklum balas kanak-kanak serta ibu bapa tentang aktiviti tersebut.

Sumbangan oleh: (nama penuh penyumbang idea dan nama-nama kelas yang terlibat)

NOTA: Bagi gambar-gambar untuk setiap peringkat, pastikan bahawa anda:

- berikan kapsyen ringkas untuk setiap gambar
- minta keizinan ibu bapa/waris sebelum menyiarkan gambar-gambar hasil kerja kanak-kanak untuk dimuat naik di laman
- gunakan gambar asli atau minta dan nyatakan keizinan yang diberikan oleh pemilik, dan
- gunakan gambar yang beresolusi tinggi (hi-res).